

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD  
[ PASIR PUTEH ]

**TARIKH :** 22.10.2015

**SOALAN :**

**Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan perbelanjaan MyBrain yang dibayar kepada pelajar-pelajar yang melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah, adakah mencapai target yang dikehendaki Kementerian setakat ini. Berapakan perbelanjaan yang telah digunakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program MyBrain15 merupakan satu program pembiayaan pengajian di peringkat pasca ijazah yang bermatlamat program adalah untuk mewujudkan kelompok sumber manusia yang berpengetahuan tinggi sebagai pemangkin kepada penyelidikan, pembangunan dan inovasi. Pelaksanaan program ini akan dapat membangunkan *first world talent base* yang akan menjadi salah satu inisiatif untuk memacu Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi. Program-program yang dilaksanakan menerusi Program MyBrain15 adalah MyPhD, MyMaster dan MyPhD Industri. Untuk makluman, Program MyBrain15 ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang memenuhi syarat yang telah ditetapkan.

Dari segi pencapaian semenjak tahun 2011 sehingga 30 September 2015, sebanyak 50,772 penawaran telah disediakan di bawah Program MyBrain15 dengan jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan ialah RM652,766,680.13. Jumlah penawaran tersebut adalah melebihi sasaran yang ditetapkan sebanyak 45,500 penawaran.